



Rujukan Tuan:

Rujukan Kami: KPM.600-4/1/1 JLD. 22 (57)

Tarikh : **27** Disember 2023

Pengurus Besar
Unit Komunikasi Korporat dan Promosi
Sin Chew Media Corporation Berhad
19, Jalan Semangat, Petaling Jaya
46200 SELANGOR

Tuan,

**PENGIKTIRAFAN MARKAH KOKURIKULUM PELIBATAN MURID BAGI
PROGRAM PERTANDINGAN MELUKIS POSTER SEKOLAH JENIS
KEBANGSAAN CINA TAHUN 2023**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk daripada pihak tuan bertarikh 7 November 2023 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian Kementerian Pendidikan Malaysia mengucapkan tahniah atas usaha pihak tuan kerana telah memberi peluang kepada murid meningkatkan potensi diri serta menaikkan nama sekolah melalui **Program Pertandingan Melukis Poster Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Tahun 2023** yang telah diadakan dari bulan **Jun sehingga Disember 2023 secara dalam talian**.

3. Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian telah menerima serta meneliti laporan pelibatan murid bagi program yang dianjurkan. Sehubungan dengan itu, pengiktirafan pemarkahan yang diberikan ialah **Pelibatan I Peringkat Kebangsaan** bagi penyertaan murid dan **Pencapaian Peringkat Kebangsaan** kepada para peserta yang mendapat tempat dalam pusingan akhir pertandingan. Markah ini diambil kira dalam pemarkahan pelibatan kokurikulum dalam Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Bagi tujuan perekodan pemarkahan, pihak sekolah perlu merujuk kepada jadual penilaian markah PAJSK yang telah ditetapkan seperti di lampiran.

4. Sehubungan dengan itu, pihak penganjur dimohon untuk memanjangkan salinan surat pengiktirafan program berserta senarai nama murid yang terlibat kepada jabatan pendidikan negeri serta sekolah yang disertai oleh murid melalui program berkenaan.

5. Sila hubungi Azemazuwana binti Haji Zakaria di talian 03-88721617 atau e-mel azemazuwana@moe.gov.my untuk sebarang pertanyaan.

Kerjasama tuan dalam perkara ini amat kami hargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(AMAT ROSLAN BIN ABDUL RAHMAN)

b.p. Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia

azemazuwana@moe.gov.my/Pengiktirafan

**PENERANGAN PENYELARASAN PENGIKTIRAFAN PEMARKAHAN
PELIBATAN DAN PENCAPAIAN KOKURIKULUM MURID DALAM PENILAIAN
PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI, SUKAN DAN KOKURIKULUM (PAJSK)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

JENIS PELIBATAN

JENIS	TAFSIRAN
PELIBATAN I	Murid yang didaftarkan sebagai atlet/peserta perkhemahan/kejohanan/kursus/karnival/program pertandingan.
PELIBATAN II	Pelibatan murid dalam aktiviti seperti: Jawatankuasa pelaksana Petugas teknikal Persembahan selingan
PELIBATAN III	Pelibatan murid yang bersifat meramaikan majlis seperti penyokong kumpulan sorak dan sebagainya.

SKOR PELIBATAN

PERINGKAT	SKOR		
	Pelibatan I	Pelibatan II	Pelibatan III
Antarabangsa	20	15	10
Kebangsaan	17	12	8
Negeri	14	10	6
Bahagian (Sabah/Sarawak)	12	9	5
Zon/Daerah	11	8	4

SKOR PENCAPAIAN

ELEMEN	PERKARA	SKOR				
		Johan	Naib Johan	Ketiga	Keempat	Kelima
TAHAP PENCAPAIAN	PERINGKAT					
	Antarabangsa	20	19	18	17	16
	Kebangsaan	17	16	15	14	13
	Negeri	14	13	12	11	10
	Daerah	11	10	9	8	7
	Sekolah	8	7	6	5	4